



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 13 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	NELAYAN CARUM PERKESO SETAHUN SEKALI, NEGARA, KOSMO -13 POTONGAN CARUMAN PERKESO BABIT 3,879 NELAYAN PADA 15 OGOS INI, BERNAMA.COM -ONLINE CARUMAN PERKESO NELAYAN DIBUAT SECARA TAHUNAN, SINAR HARIAN - ONLINE POTONGAN CARUMAN PERKESO BABIT 3,879 NELAYAN PADA 15 OGOS INI, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	KERAJAAN TERENGGANU SEDIA RM100,00 -EXCO HANAFIAH, FIKRAH, HARAKAH - F6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8.	KULIT AYAM DARI NETHERLANDS DIRAMPAS, SINAR NEGERI P. PINANG, KEDAH, SINAR HARIAN -23 27 TAN KULIT AYAM DARI BELANDA DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -18 MAQIS RAMPAS SAYUR, BUAH DARI THAILAND, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -29	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9.	MDKS PERGIAT OPERASI TANGKAP LEMBU DILEPAS TANPA JAGAAN, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA (JPV)
10. 11. 12.	AGIH SAYUR-SAYURAN, MAKANAN ASAS DI KAWASAN TEMCO, MYMETRO - ONLINE (JKM FAMA) FOOD ASSISTANCE IS DISTRIBUTED IN TEMCO AREA TV1, MALAYSIA, BERITA NASIONAL -ONLINE (FAMA MCO) KEDAH ENSURE ADEQUATE FOOD SUPPLY TV1, MALAYSIA – BERITA NASIONAL -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13.	USAH POLITIKKAN ISU SEWA TANAH DI CAMERON HIGHLANDS, MINDA PEMBACA, BERITA HARIAN -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/8/2020	KOSMO	NEGARA	13

Nelayan carum Perkeso setahun sekali

PUTRAJAYA – Pembayaran caruman skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) kepada 42,000 nelayan di seluruh negara adalah menerusi pemotongan sebanyak RM157.20 secara tahunan dalam Sistem Program Insentif Nelayan (FIP).

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan berkata, pemotongan itu akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut kelayakan pencaerum yang menerima bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan (ESH).

Katanya, peringkat permulaan, pemotongan akan membolehkan 3,879 nelayan zon A (pemilik dan awak-awak) serta nelayan zon B, C dan C2 (awak-awak) dengan jumlah caruman sebanyak RM157.20.

“Ini dibuat mulai 15 Ogos untuk sekali potongan dalam tempoh setahun.

“Seterusnya bulan berikut untuk lain-lain nelayan yang menerima ESH,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2020	BERNAMA (BM) (WWW.BERNAMA.COM/BM)	ONLINE	

Potongan caruman Perkeso babit 3,879 nelayan pada 15 Ogos ini



KUALA LUMPUR, 12 Ogos -- Potongan caruman Skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) membabitkan 3,879 nelayan zon A iaitu pemilik dan awak-awak serta nelayan zon B, C dan C2 (awak-awak) sebanyak RM157.20 pada 15 Ogos ini.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam kenyataan menjelaskan caruman melalui Sistem Program Insentif Nelayan (FIP) itu adalah sekali potongan dalam tempoh setahun akan dilakukan secara berperingkat.

Selaras dengan Pewartaan P.U.(A)374 Perintah Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (Pindaan Jadual Pertama 2019) pada 30 Dis 2019, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengambil tindakan bagi menyahut pewartaan ini untuk mencarum golongan yang bekerja sendiri termasuklah nelayan.

"Antara tindakan telah dilaksanakan selaras dengan pewartaan tersebut adalah, LKIM mendapatkan kelulusan penggantian caruman insurans berkelompok nelayan kepada Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dasar (MJKD).

"LKIM telah mengadakan sesi *engagement* (libat urus) dan menyampaikan taklimat berkaitan SKSPS kepada nelayan di seluruh negara secara berperingkat.

Menurut kenyataan itu, semua nelayan diwajibkan dan digalakkan mencarum kerana implikasi daripada pelaksanaan itu, nelayan yang menerima Elaun Sara Hidup (ESH) tidak lagi diinsuranskan oleh pengendali syarikat insurans atau takaful, sebaliknya diganti kepada Perkeso.

Nelayan juga merupakan golongan terawal yang mencarum SKSPS di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Nelayan yang tidak menerima ESH digalakkan membuat caruman SKSPS secara sukarela di mana-mana kaunter caruman pendaftaran SKSPS di Perkeso seluruh negara, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/8/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Caruman Perkeso nelayan dibuat secara tahunan

KOTA BHARU - Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) untuk nelayan akan dibuat secara tahunan melalui potongan Sistem Program Insentif Nelayan (FIP).

Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam satu kenyataan memberitahu, pemotongan itu akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut kelayakan pencaerum yang menerima bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan (ESH).

“Selaras dengan Pewartaan Perintah Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (Pindaan Jadual Pertama 2019), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengambil tindakan bagi merealisasikan dan menyahut pewartaan ini untuk mencarum golongan yang bekerja sendiri termasuklah nelayan.

“Antara tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan selaras dengan pewartaan tersebut ialah LKIM telah mendapatkan kelulusan penggantian caruman insurans berkelompok nelayan kepada SKSPS,” kata kenyataan tersebut semalam.

Menurut kenyataan itu, LKIM telah mengadakan sesi perbincangan dan menyampaikan taklimat berkaitan SKSPS kepada nelayan di seluruh negara secara berperingkat.

“Platform Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan juga dilihat sebagai medium terbaik dalam menyalurkan hebahan kepada kumpulan itu memandangkan pihak Perkeso juga terlibat dalam sesi tersebut,” katanya.

Selain itu katanya, sesi menandatangani memorandum persefahaman di antara LKIM dan Perkeso juga telah dimeterai pada 9 Ogos lalu untuk membolehkan caruman SKSPS ke atas 42,000 nelayan yang menerima ESH.

Kenyataan turut memaklumkan, di peringkat permulaan pemotongan akan membabitkan 3,879 nelayan zon A (pemilik dan awak-awak) serta nelayan zon B,C dan C2 (awak-awak) dengan caruman sebanyak RM157.20 pada 15 Ogos 2020 untuk sekali potongan dalam tempoh setahun.

“Semua nelayan diwajibkan dan digalakkan mencarum melalui Perkeso. Ianya adalah bertepatan dengan saranan kerajaan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.

“Implikasi pelaksanaan ini ialah nelayan yang menerima ESH tidak lagi diinsuranskan oleh pengendali syarikat insurans atau takaful sebaliknya diganti kepada Perkeso.

“Nelayan juga merupakan golongan terawal yang mencarum SKSPS di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan,” katanya.

Tambahnya, nelayan yang tidak menerima ESH digalakkan membuat caruman SKSPS secara sukarela di mana-mana kaunter caruman pendaftaran SKSPS di Perkeso seluruh negara.

“Sebagai penambahbaikan, usaha untuk mendidik dan memberi kefahaman berkaitan caruman SKSPS ini akan terus dilaksanakan oleh pihak LKIM dan Perkeso secara berterusan pada masa akan datang,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

Potongan caruman Perkeso babit 3,879 nelayan pada 15 Ogos ini



Semua nelayan digalakkan mencarum kerana implikasi daripada pelaksanaan itu, penerima ESH tidak lagi diinsuranskan oleh pengendali syarikat insurans atau takaful, sebaliknya diganti kepada Perkeso. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Potongan caruman Skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) membabitkan 3,879 nelayan zon A iaitu pemilik dan awak-awak serta nelayan zon B, C dan C2 (awak-awak) sebanyak RM157.20 pada 15 Ogos ini.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam kenyataan menjelaskan caruman melalui Sistem Program Insentif Nelayan (FIP) itu adalah sekali potongan dalam tempoh setahun akan dilakukan secara berperingkat.

Selaras dengan Pewartaan P.U.(A)374 Perintah Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (Pindaan Jadual Pertama 2019) pada 30 Dis 2019, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengambil tindakan bagi menyahut pewartaan ini untuk mencarum golongan yang bekerja sendiri termasuklah nelayan.

"Antara tindakan telah dilaksanakan selaras dengan pewartaan tersebut adalah, LKIM mendapatkan kelulusan penggantian caruman insurans berkelompok nelayan kepada Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dasar (MJKD).

"LKIM telah mengadakan sesi engagement (libat urus) dan menyampaikan taklimat berkaitan SKSPS kepada nelayan di seluruh negara secara berperingkat."

Menurut kenyataan itu, semua nelayan diwajibkan dan digalakkan mencarum kerana implikasi daripada pelaksanaan itu, nelayan yang menerima Elaun Sara Hidup (ESH) tidak lagi diinsuranskan oleh pengendali syarikat insurans atau takaful, sebaliknya diganti kepada Perkeso.

Nelayan juga merupakan golongan terawal yang mencarum SKSPS di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Nelayan yang tidak menerima ESH digalakkan membuat caruman SKSPS secara sukarela di mana-mana kaunter caruman pendaftaran SKSPS di Perkeso seluruh negara, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

Harakah Fikrah

Bil. 2572 | 24-26 ZULHILAH 1441 / 14-16 OGOS 2020



Sebahagian dari 37 unit unjam dilabuhkan di perairan Kuala Kemaman.

Unjam untuk myKP Kuala Kemaman

Kerajaan Terengganu sedia RM100,000 - Exco Hanafiah

Darat bot nelayan asing yang pernah dirampas kerana menceroboh perairan negara ini.

Oleh
KHAIRUL AZLAM MOHAMAD

KEMAMAN: Sebanyak 37 unit unjam dilabuhkan di perairan Kuala Kemaman bagi manfaat lebih 100 warga nelayan pantainya.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional Negeri, Hanafiah Mat berkata, kerajaan Terengganu menyedekahkan peruntukan sejumlah RM100,000 bagi penyediaan unjam nelayan Kemaman.

"Secara keseluruhannya, Jabatan Perikanan Terengganu telah menerima peruntukan sebanyak RM100,000 di bawah peruntukan kerajaan Persekutuan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi

untuk membina unjam bagi Komuniti Perikanan (myKP). "Kerajaan Terengganu juga telah menambah RM100,000 lagi melalui peruntukan unjam tahun 2020, bagi memastikan dapat melabuh unjam untuk daerah Kemaman dan negeri Terengganu," ujarnya.

Bellau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Unjam Komuniti Perikanan (myKP) Kuala Kemaman, di Pejabat Perikanan Kemaman, pada 5 Ogos lalu.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemasik, Ir Saiful Azli Suhailli dan Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali.

Sehubungan itu, bellau mengintahkan kepada warga nelayan

Kuala Kemaman agar dapat menjaga kawasan unjam berkenaan dengan baik.

"Hari ini kita buat penyerahan unjam kepada komuniti nelayan (myKP) Kuala Kemaman. Saya difahamkan, daun kelapa yang dibuat unjam itu hanya tahan dua bulan, dan jika rosak minta dia (nelayan) kena tukar.

"Manakala, pelampung boleh tahan selama setahun. Saya minta komuniti ini dapat menjaga (unjam) dengan baik. Sebab, kita mahu seberapa ramai nelayan-nelayan pantai dapat pergi ke situ dan semoga ikan dapat 'berumah' (unjam) di situ," jelasnya.

Bellau yang juga ADUN Chukai turut menggesa agar nelayan dapat memberi maklumat dan laporan segera jika berlaku pencerobahan nelayan asing di perairan negara ini.

"Pencerobahan nelayan asing masih berlaku dan kita (kerajaan) harap pihak Jabatan Laut sentiasa memantau dan kita yakin jabatan berkenaan telah berusaha.

"Ibarat kejar pencuri susah juga sebab, mereka ini lebih 'bijak' (helah) dari kita. Kita minta juga nelayan dari masa ke semasa dapat memberi kerjasama dengan melaporkan kepada kita (kerajaan), supaya kita dapat mengambil tindakan.

"Nelayan asing itu daripada Kemboja, Vietnam atau Thailand. Maklum kepada jabatan



Hanafiah diremubuat wartawan yang hadir.

Perikanan, insya-Allah," ujarnya.

Menurutnya, kerajaan negeri akan memastikan bantuan kebajikan kepada warga nelayan,

yang pernah dinikmati sebelum ini akan dikembalikan semula di bawah kerajaan Perikatan Nasional (PN).



ADUN Kemasik, Ir Saiful Azli (berdiri kanan) merampas kepada Exco Hanafiah Mat (duduk kiri).



Hanafiah sedang bersiap sedia untuk melabuhkan 37 unit unjam di perairan Kuala Kemaman, empat kilometer dari daratan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/8/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI P.PINANG, KEDAH	23

Kulit ayam dari Netherlands dirampas

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang menggagalkan cubaan membawa masuk kulit ayam sejuk beku gred A dari negara Netherlands tanpa mematuhi syarat import di Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini Isnin lalu.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, barang dagangan itu dikesan semasa pemeriksaan rutin dilakukan oleh pegawai Maqis di tapak pemeriksaan kontena NBCT sebelum mendapati terdapat kulit ayam gred A sejuk beku yang cuba dibawa masuk ke negara ini.

Menurutnya, barang da-

agangan tersebut didapati tidak mematuhi syarat import sepertimana yang dinyatakan pada permit import Maqis.

“Hasil pemeriksaan lanjut mendapati sebanyak 1,375 kotak kulit ayam sejuk beku gred A yang dimuatkan dalam satu kontena dan kesemua dagangan yang bernilai RM100,521.85 itu ditahan untuk tindakan lanjut.

“Kami difahamkan tujuan kulit ayam diimport untuk diproses menjadi produk makanan segera seperti sosej ayam, nugget ayam dan lain-lain produk untuk pasaran Malaysia dan juga pasaran luar negara,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.



Pegawai Maqis menunjukkan kulit ayam sejuk beku gred A yang dirampas di Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) Isnin lalu.



KULIT ayam sejuk beku dirampas di NBCT, Butterworth pada Isnin lalu.

27 tan kulit ayam dari Belanda dirampas

SEBERANG PERAI – Kira-kira 27 tan kulit ayam sejuk beku dirampas pihak berkuasa selepas melakukan pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), Butterworth di sini Isnin lalu.

Rampasan produk dari Belanda itu dibuat kira-kira pukul 11.50 pagi semasa pemeriksaan rutin ke atas sebuah kontena di tapak pemeriksaan.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri, Zarina Ramli berkata, rampasan itu dibuat selepas pihaknya mendapati produk dagangan itu tidak mematuhi syarat import seperti yang dinyatakan pada permit import Maqis.

"Pihak kami merampas sebanyak 1,375 kotak kulit ayam sejuk beku gred A seberat 27,500 kilogram dalam satu kontena yang bernilai RM100,521.85.

"Kulit ayam itu dipercayai untuk diproses menjadi produk makanan segera seperti sosej dan nugget bagi pasaran negara ini dan luar negara," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya di bawah Seksyen 15(2) Akta yang sama.

Maqis rampas sayur, buah dari Thailand

RANTAU PANJANG: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan merampas 15.94 tan hasil pertanian seperti sayur dan buah-buahan segar serta 210 kilogram (kg) ikan dalam operasi di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang, di sini Isnin lalu.

Rampasan hasil operasi bermula pukul 8 pagi hingga 8 malam itu membabitkan nilai keseluruhan barangan RM44,000.

Pengarah Maqis negeri, Mohd. Azam Yahya berkata, rampasan dibuat atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Antaranya kesalahan di bawah Seksyen 11(1) iaitu perbuatan mengimport tumbuhan, haiwan, karikas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma



PENGUAT KUASA Maqis memeriksa sayur dan buah dari Thailand yang dibawa masuk ke negara ini melalui ICQS Rantau Panjang, Kelantan. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

tanpa permit yang dikeluarkan oleh Maqis. operasi itu, pihaknya mendapati masih terdapat segelintir

Menurutnya, sepanjang pengimport yang degil apabila

tidak mahu mematuhi syarat import sebagaimana ditetapkan oleh Maqis.

"Maqis Kelantan sama sekali tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar peraturan.

"Kita akan terus meningkatkan kawalan di semua ICQS di negeri ini bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karikas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport masuk ke negara ini mengikut peraturan," katanya.

Mohd. Azam memberitahu, langkah itu bagi memastikan semua barangan yang diimport itu bebas ancaman perosak, penyakit serta bahan cemar, sekaligus menjamin keselamatan keluaran pertanian yang memasuki negara.

Beliau menambah, dalam operasi sama, sebanyak tiga kes direkodkan di bawah Seksyen 15 (1) iaitu tidak mematuhi syarat permit import.

MDKS pergiat operasi tangkap lembu dilepas tanpa jagaan

KUALA SELANGOR - Sebanyak enam kompaun dikeluarkan dengan empat ekor lembu ditangkap di daerah ini sepanjang tahun ini selepas didapati pemiliknya melepaskan haiwan ternakan tersebut tanpa jagaan.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Rahmah Rahmat berkata, kompaun RM1,000 dikenakan kepada setiap pemilik ternakan tersebut.

Memutunya, tindakan itu terpaksa diambil selepas pengetahuan yang diumumkan oleh Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MDKS mendapati, ramai pemilik lembu masih ingkar peraturan walaupun sering diberi

peringatan.

"Tindakan meretka menyebabkan kan haiwan ternakan memasuki lahan awam dan kawasan perumahan yang akan membahayakan pengguna jalan raya.

"Lokasi yang dikenal pasti sering terjadi permasalahan tersebut ialah di Bestari Jaya, Jeram dan Saujana Utama," katanya.

Rahmah memberitahu, MDKS dalam perincian bersama Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kuala Selangor untuk proses tindakan yang lebih tegas kepada penternak yang masih ingkar dan degil mematuhi peraturan.

Katanya, papan tanda amaran

telah dipasang di 10 kawasan untuk memberi peringatan kepada penternak.

"Kesemua lembu yang ditangkap akan disimpan di tempat-kurungan khas dan haiwan itu hanya boleh dituntut pemiliknya selepas membayar kesemua kos sitaan dan jagaan mengikut Seksyen 4(4) Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971," ujarnya.

Penternak juga boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 5(1) Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 kerana membiarkan lembu berkeluaran tanpa kawalan yang boleh dihukum penjara sehingga setahun dan denda maksimum RM1,000.



ANTARA lembu yang berkeluaran di Kampung Pesit Tuntung, Bukit Rotan, Kuala Selangor baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/8/2020	MYMETRO	ONLINE	

Agih sayur-sayuran, makanan asas di kawasan TEMCO



ORANG ramai yang terlibat dalam proses saringan COVID-19 mengambil sumbangan daripada Pejabat ADUN Bukit Kayu Hitam di Dewan Orang Ramai Napoh. FOTO AMRAN HAMID

BANTUAN bahan mentah termasuk sayur-sayuran, beras dan makanan lain diagihkan kepada penduduk di tiga mukim di Jitra yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (TEMCO), hari ini.

Sebanyak 150 bungkusan mengandungi sayur-sayuran dan lebih 200 kampak beras diagihkan kepada penduduk di Napoh yang dikuarantin akibat penularan Kluster Sivagangga.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri dan Asas Tani negeri, Azman Nasaruddin berkata, sumbangan daripada Jabatan Pertanian Kedah, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) itu diuruskan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk diagihkan untuk keluarga memerlukan.

Beliau berkata, penyerahan bantuan itu dibantu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) ke rumah penduduk di tiga mukim berkenaan.

"JKM akan memilih keluarga layak menerima bantuan ini terutama golongan kurang berkemampuan dan mempunyai anak ramai.

"Insya-Allah kami akan cuba cari lagi sumbangan untuk membantu penduduk di kawasan terlibat masih ada dua minggu lagi untuk mereka kuarantin," katanya ketika ditemui di Dewan Tunku Anum, Jitra, hari ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/8/2020	TV1, MALAYSIA	ONLINE	

(FAMA MCO) Kedah ensure adequate food supply TV1, Malaysia, Berita Nasional-0000 | 13 Ogos 2020



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/8/2020	BERITA HARIAN	MINDA PEMBACA	13

Usah politikkan isu sewa tanah di Cameron Highlands

Terlalu tinggikah kadar baharu sewaan tanah dikenakan ke atas pekebun sayur dan bunga di Cameron Highlands?

Jika menurut seorang dua ahli politik pembangkang, jawapannya 'ya'. Lalu mereka - kononnya sebagai wakil pekebun - menyuarakan ketidakadilan menganalnya menerusi media.

Namun, selepas tiga perjumpaan antara pihak berkuasa khususnya jabatan kerajaan berkaitan dengan seblangan pekebun, tiada isu kadar sewa dibangkitkan.

Apa yang dibangkitkan hanya mengenai syarat baharu berkaitan sewaan tanah, termasuk tempoh '3 + 2' atau bermaksud, tiga tahun pertama kemudian dilanjutkan dua tahun lagi.

Jumlah pekebun terbabit menurut rekod Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Cameron Highlands, kira-kira 1,018 orang, manakala keluasan tanah kerajaan terbabit susulan kerajaan Pahang tidak lagi mengeluarkan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) sejak beberapa tahun lalu kira-kira 5,519 hektar.

Angka ini - jumlah pekebun dan keluasan tanah - akan dibabitkan semula yang pada peringkat awal, hanya ketua keluarga dibenarkan kembali berkecukupan dengan diberikan hanya 1.2 hektar tanah terbabit untuk disewa dan dikerjakan.

Kembali kepada soal kadar baharu sewaan tanah ini yang menurut penemuan berkenaan, RM4,500 bagi 0.405 hektar setahun adalah terlalu tinggi, iaitu kenaikan ratusan kali ganda berbanding sebelumnya.

Betul, ratusan kali ganda atau lebih tepat lagi, kenaikan kira-kira 414 peratus atau lebih empat kali ganda berbanding sebelum ini dengan hanya RM1,086 bagi 0.405 hektar setahun meliputi RM606 untuk bayaran LPS dan RM480 lagi sebagai caj penggunaan air mentah.

Namun, menurut seorang pegawai di

PDT Cameron Highlands yang mengendalikan urusan ini, kadar baharu ini - selain RM490.16 caj penggunaan air mentah - ialah beberapa elemen lain termasuk RM100 sumbangan ke Tabung Khas Alam Sekitar, cukai tanah (RM121.46); Kebenaran Merancang (RM450) dan pengurusan sampah dan sisa pertanian (RM250).

Walaupun dengan kadar RM4,500 bagi 0.405 hektar setahun atau hanya kira-kira RM375 bagi 0.405 hektar sebulan, pekebun dipercayai boleh menyeyrapnya, apatah lagi keuntungan mereka sebelum ini berlipat ganda.

Dalam hal ini, kajian Jabatan Pertanian menunjukkan pekebun menanam dan menghasilkan tomat misalnya, pendapatan kasar daripada dua pusingan tanaman kira-kira RM120,000 bagi 0.405 hektar setahun, bersamaan RM10,000 bagi 0.405 hektar sebulan.

Sesudah ditolak kos seperti bayaran LPS dan caj penggunaan air mentah serta upah buruh dianggarkan kira-kira 40 peratus, seorang pekebun boleh meraih keuntungan bersih sehingga

RM72,000 bagi 0.405 hektar setahun atau RM6,000 bagi 0.405 hektar sebulan.

Ini untuk keluasan 0.405 hektar sedangkan kita tahu, keluasan tanah diusahakan kebanyakan pekebun sebelum ini lebih daripada itu, termasuk tanah diterokai secara haram.

Paling tidak, keluasan tanaman sehingga 1.2 hektar, maka keuntungan bersih boleh diraih kira-kira RM216,000 setahun atau RM18,000 sebulan.

Bagi menjawab syarat tempoh sewaan '3 + 2', rasional kerajaan Pahang menurut pegawai sama, untuk memberi peluang kepada pekebun membuktikan keseriusan mereka mengamalkan kerja pertanian bermaham - tidak mencemarkan seperti sebelumnya - dengan menuruti segala syarat dan peraturan ditetapkan di bawah Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP).

Selepas itu, lanjutan lagi dua tahun diberikan, seterusnya boleh dilanjutkan lagi bagi tahun berikutnya dengan menurut kadar kepatuhan MyGAP, termasuk penggunaan baja dan racun serangak dibenarkan serta selamat.

Berkaitan syarat 1.2 hektar sahaja bagi setiap ketua keluarga, ini langkah awal untuk melihat sikap pekebun. Jika terbukti sikap itu betul, maka tindakan seterusnya ialah memberi sewaan tanah lagi 1.2 hektar kepada isteri dan anaknya pula.

Akhirnya, sekeluarga ini boleh mengerjakan hingga 3.6 hektar yang jika menurut kajian bagi hasil mengusahakan tomat tadi, bakal memperoleh keuntungan bersih kira-kira RM648,000 setahun atau RM54,000 sebulan.

Apa yang turut dibangkitkan ialah soal tanah 1.2 hektar ini tidak dibenar untuk dicagar kepada institusi kewangan untuk memperoleh pinjaman bagi perbelanjaan kos operasi atau menambah baik keperluan kebun masing-masing.

Sedangkan, ketika mereka diberikan LPS tempoh hari (yang perlu diperbaharui setahun ke setahun), hal sama juga disyaratkan, namun tiada menghadapi masalah mendapatkan pinjaman. Mereka sekadar membuktikan ada pemilikan LPS dan mudah mendapatnya.

Penulis percaya, turut disedari dan diketahui pekebun cuma apabila ada pihak yang dilihat hendak membantu 'memperjuangkan' nasib mereka, maka tentu mereka menerimanya.

Sudah tentu penerimaan ini bukan atas alasan mereka akan menanggung kerugian besar, cuma mahu kekal 'status quo' dengan keuntungan berlipat kali ganda yang dinikmati sebelum ini.

Oleh itu, diharap pekebun terbabit harus berlapang dada dan terima hakikat bahawa usaha dilaksanakan kerajaan untuk kebaikan, demi memastikan usaha pertanian di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands lebih teratur dan tidak mencemarkan seperti sebelum ini.



Syarat baharu sewaan tanah kepada pekebun di Cameron Highlands pastikan penanaman lebih teratur dan kawasan tidak tercemar.

Dasuk Abdul Wahab Mohamad Ali, Kuantan